

22/02/1997

Deng dianggap pelopor dasar pintu terbuka

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi penghormatan kepada pemimpin China Deng Xiaoping yang disifatkannya sebagai arkitek utama pemodenan dan pelopor dasar pintu terbuka negara itu.

Perdana Menteri berkata, Deng juga ialah pemimpin yang bertanggungjawab meningkatkan peranan China dalam mengekalkan keamanan dan kestabilan dunia.

Sambil menyifatkan kematian Deng sebagai "bukan saja kehilangan besar kepada China tetapi juga dunia", beliau berkata Deng amat dihormati kerana usaha-usahanya itu.

Menurutnya, pendekatan inovatif Deng dalam membangunkan China melalui doktrin sosialisme berlandaskan ciri-ciri tempatan, wawasan berani dan kepemimpinan cemerlang beliau menjadi asas kepada pertumbuhan ekonomi China yang dinamik.

"Ekonomi China yang berkembang hari ini menjadi bukti kepada dasar pragmatik beliau yang memberikan kejayaan besar. Saya berasa sedih mendengar kematian pemimpin besar anda, Deng Xiaoping," katanya dalam perutusan takziahnya kepada Perdana Menteri China Li Peng yang dikeluarkan Wisma Putra hari ini.

Perdana Menteri berkata, lawatan Deng ke luar negara menghasilkan hubungan yang lebih erat terutama dengan negara-negara jiran di rantau Asia Timur.

"Rakyat Malaysia masih mengingati lawatan beliau ke negara ini pada bulan November 1978 yang membuka jalan ke arah hubungan dua hala dan kerja sama lebih erat Malaysia dan China," katanya.

(END)